



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

KENDIRI PADANAN CARUMAN 2026: INISIATIF KERAJAAN MENERUSI SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI [AKTA 789] DI BAWAH BELANJAWAN MADANI 2026

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

BIL. 1/2026 | 6 April 2026

1. Apakah Inisiatif Kerajaan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2026 di bawah LINDUNG Kendiri [Akta 789] untuk Orang Bekerja Sendiri (OBS)?

- **KENDIRI Padanan70 2026** ialah pembiayaan padanan caruman kepada OBS yang menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri di bawah sektor bukan mandatori dan **pertama kali mencarum** dalam LINDUNG Kendiri. OBS hanya perlu membayar sebanyak RM70.00 (30%) daripada kadar caruman RM232.80 di bawah Pelan Caruman 2. OBS layak diberi perlindungan selama 12 bulan (1 tahun) selepas bayaran tersebut diterima. Baki bayaran RM162.80 (70%) akan dibiayai oleh Kerajaan.
- **KENDIRI Padanan50 2026** ialah pembiayaan padanan caruman kepada OBS yang **memperbaharui caruman** dalam sektor bukan mandatori. OBS hanya perlu membayar sebanyak RM116.40 (50%) daripada kadar caruman RM232.80 di bawah Pelan Caruman 2. OBS layak diberi perlindungan selama 12 bulan (1 tahun) selepas bayaran tersebut diterima. Baki bayaran RM116.40 (50%) akan dibiayai oleh Kerajaan.

2. Apakah SEKTOR MANDATORI di bawah LINDUNG Kendiri yang TIDAK LAYAK mendapat pembiayaan padanan caruman Inisiatif Belanjawan 2026?

- 3 sektor yang dikategorikan sebagai **sektor mandatori** di bawah LINDUNG Kendiri adalah seperti berikut:
 - i. Sektor Pengangkutan Penumpang
 - ii. Sektor Pengangkutan Barangan atau Makanan
 - iii. Sektor Penjaja

3. Apakah SEKTOR BUKAN MANDATORI di bawah LINDUNG Kendiri yang LAYAK mendapat pembiayaan padanan caruman Inisiatif Belanjawan 2026?

- Selain daripada 3 sektor mandatori seperti yang dinyatakan di **Soalan 2**, 17 sektor yang dikategorikan sebagai **sektor bukan mandatori** di bawah LINDUNG Kendiri adalah seperti berikut:
 - i. Sektor Pertanian
 - ii. Sektor Penternakan
 - iii. Sektor Perhutanan
 - iv. Sektor Perikanan
 - v. Sektor Makanan
 - vi. Sektor Pembuatan
 - vii. Sektor Pembinaan
 - viii. Sektor Premis Penginapan
 - ix. Sektor Perniagaan Online
 - x. Sektor Teknologi Maklumat
 - xi. Sektor Pemprosesan Data
 - xii. Sektor Ejen
 - xiii. Sektor Perkhidmatan Profesional

- xiv. Sektor Perkhidmatan Sokongan
- xv. Sektor Kesenian
- xvi. Sektor Perkhidmatan Isi Rumah
- xvii. Sektor Penjagaan Perawatan dan Pemulihan Kesihatan

4. Siapakah kumpulan OBS yang disasarkan untuk menerima Inisiatif Belanjawan 2026 ini?

- Kumpulan sasar bagi **KENDIRI Padanan Caruman 2026** ini dikhususkan kepada **11 kategori** berikut:
 - i. KENDIRI Agro 2026**
Semua kelas di bawah Sektor Pertanian, Sektor Penternakan, Sektor Perhutanan dan Sektor Perikanan.
 - ii. KENDIRI Lain Upaya 2026**
Orang kurang upaya yang bekerja sendiri di bawah 17 sektor bukan mandatori.
 - iii. KENDIRI Asal 2026**
Orang Asli (Semenanjung) dan Orang Asal (Sabah dan Sarawak) yang bekerja sendiri di bawah 17 sektor bukan mandatori.
 - iv. KENDIRI Seni 2026**
Semua kelas di bawah Sektor Kesenian.
 - v. KENDIRI Sukan 2026**
Semua sukan termasuklah sukan tradisional, silat olahraga, e-sukan, jurulatih, ahli sukan bertaraf profesional dan pelajar-pelajar di bawah tajaan Majlis Sukan Negara.

vi. KENDIRI Didik 2026

OBS yang menjalankan aktiviti pendidikan seperti pendidik, pelajar latihan industri, pengajar, tutor, pengajar agama, kaunselor dan pakar motivasi.

vii. KENDIRI Servis 2026

Sektor Perkhidmatan Isi Rumah, Sektor Perkhidmatan Profesional, Sektor Premis Penginapan, Sektor Pemprosesan Data, Sektor Teknologi Maklumat, Sektor Perniagaan Online, Sektor Ejen, Kelas di bawah Sektor Perkhidmatan Sokongan iaitu Malim Gunung, Pemandu Pelancong, Penyelenggaraan, Pegawai Keselamatan, Pemilikan Tunggal/Perkongsian (Enterprise) berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

viii. KENDIRI Pelancongan 2026

OBS yang menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri dalam Industri Pelancongan di bawah 17 sektor bukan mandatori.

ix. KENDIRI Pemimpin Masyarakat 2026

Pemimpin Masyarakat / Pemimpin Komuniti, Tok Batin, Ketua Rumah Panjang atau Ketua Orang Asli.

x. KENDIRI Pekhidmat Rumah Ibadat 2026

Semua Pekhidmat Rumah Ibadat yang sah di bawah peruntukan Perlembagaan Malaysia termasuk Pekhidmat Rumah Ibadat Islam, Hindu, Buddha, Kristian dan sebagainya.

xi. KENDIRI Sukarelawan 2026

Semua sukarelawan di Malaysia.

5. Apakah pelan caruman yang disediakan oleh PERKESO di bawah LINDUNG Kendiri?

- Terdapat empat (4) jenis pelan caruman LINDUNG Kendiri, seperti berikut:

Jadual 1: Pelan Caruman LINDUNG Kendiri

Pelan Caruman Pilihan	Pendapatan Diinsuranskan	Caruman Bulanan	Caruman Tahunan
1	RM1,050	RM13.10	RM157.20
2	RM1,550	RM19.40	RM232.80
3	RM2,950	RM36.90	RM442.80
4	RM3,950	RM49.40	RM592.80

6. Apakah pelan caruman yang dibiayai oleh Kerajaan di bawah Inisiatif Belanjawan 2026?

- Kerajaan membiayai padanan caruman LINDUNG Kendiri di bawah **Pelan Caruman 2** sebagaimana **Jadual 2** dan **Jadual 3** berikut:

Jadual 2: KENDIRI Padanan70 2026 (70% : 30%)

Pelan Caruman	Sumbangan Kerajaan (70%)	Caruman OBS (30%)
Pelan 2 (RM232.80)	RM162.80	RM70.00

Jadual 3: KENDIRI Padanan50 2026 (50% : 50%)

Pelan Caruman	Sumbangan Kerajaan (50%)	Caruman OBS (50%)
Pelan 2 (RM232.80)	RM116.40	RM116.40

7. Apakah syarat-syarat yang melayakkan OBS untuk mendapat manfaat di bawah Inisiatif Belanjawan 2026?

- Syarat-syarat kelayakan Inisiatif Belanjawan 2026 yang ditawarkan kepada OBS adalah seperti berikut:
 - i. Bertaraf warganegara Malaysia atau pemastautin tetap tanpa mengira had umur;
 - ii. Bekerja sepenuh masa atau separuh masa;
 - iii. OBS yang bekerja di Malaysia;
 - iv. OBS yang bekerja dalam sektor bukan mandatori; dan
 - v. OBS belum mendaftar di bawah Inisiatif Belanjawan 2026.

8. Apakah manfaat yang disediakan kepada OBS yang menyertai Inisiatif Belanjawan 2026 ini?

- Manfaat atau faedah perlindungan keselamatan sosial yang disediakan di bawah LINDUNG Kendiri adalah seperti dinyatakan di **Jadual 4** berikut:

Jadual 4: Faedah Perlindungan Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri di bawah Pelan 2 Setelah Kes Disahkan Sebagai Bencana Pekerjaan Sendiri

Jenis Faedah	Faedah (Pelan 2)
Faedah Perubatan	Rawatan perubatan di klinik panel / hospital kerajaan PERKESO dan membuat tuntutan penggantian perbelanjaan yang dikeluarkan. Bayaran balik tertakluk kepada Akta Fi 1951.
Faedah Hilang Upaya	Kadar bayaran 80% (Hilang Upaya Sementara) dan 90% (Hilang Upaya Kekal) daripada gaji harian pendapatan bulanan yang diinsuranskan.

Jenis Faedah	Faedah (Pelan 2)
Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional	Bekalan alat bantuan secara percuma seperti kerusi roda, tilam, tongkat, anggota tiruan, fisioterapi, dan lain-lain. Program "Return to Work (RTW)" serta latihan vokasional dalam bidang kursus yang ditawarkan di Pusat Rehabilitasi PERKESO.
Elaun Layanan Sentiasa (ELS)	RM500.00 sebulan
Faedah Orang Tanggungan (FOT)	RM1,395.00* sebulan sepanjang hayat kepada waris sekiranya OBS meninggal dunia akibat bencana pekerjaan sendiri. *tertakluk kepada kategori orang tanggungan.
Faedah Pengurusan Mayat (Bayaran Khairat Kematian)	RM3,000 secara <i>one-off</i>

9. Bagaimanakah permohonan ini boleh dibuat?

- Permohonan bagi KENDIRI Padanan Caruman 2026 adalah seperti berikut:
 - i. Permohonan dan bayaran boleh dilakukan di Laman Web PERKESO;
 - ii. Melalui aplikasi mobil Prihatin PERKESO;
 - iii. Melalui kaunter Pejabat PERKESO;
 - iv. Melalui Ejen Korporat SKSPS atau Ejen Individu SKSPS yang sah dilantik oleh PERKESO; dan
 - v. Tempoh perlindungan bermula dari tarikh penerimaan bayaran 30% (RM70.00) dan 50% (RM116.40) daripada pemohon kepada pihak PERKESO.

10. Adakah Ejen Korporat SKSPS dan Ejen Individu SKSPS boleh mendaftarkan OBS di bawah Inisiatif Belanjawan 2026 ini?

- Ejen Korporat SKSPS dan Ejen Individu SKSPS boleh mendaftarkan OBS di bawah Inisiatif Belanjawan 2026, namun tidak tertakluk kepada bayaran komisen sekiranya OBS dicarumkan di bawah Inisiatif Belanjawan 2026. Komisen akan dibayar kepada ejen yang mencarumkan OBS di bawah pelan normal sahaja.

11. Apakah dokumen yang diperlukan semasa membuat PENDAFTARAN BAHARU bagi LINDUNG Kendiri?

- Dokumen sokongan OBS yang diperlukan untuk **KENDIRI Padanan Caruman 2026** ialah:
 - i. Salinan kad pengenalan;
 - ii. Surat pengesahan pekerjaan daripada agensi atau pihak berkuasa yang berkaitan tertakluk kepada jenis sektor; dan
 - iii. Sebarang dokumen pembuktian berkaitan pekerjaan sendiri yang dijalankan.

12. Bagaimanakah jika OBS melakukan aktiviti pekerjaan sendiri lebih daripada satu sektor?

- Sekiranya mana-mana OBS yang melakukan aktiviti pekerjaan sendiri lebih daripada satu sektor, mereka hanya layak menyertai **SATU** Inisiatif Belanjawan 2026 sahaja iaitu KENDIRI Padanan⁷⁰ 2026 atau KENDIRI Padanan⁵⁰ 2026.

13. Bagaimanakah sekiranya OBS telah mencarum LINDUNG Kendiri, adakah beliau layak menyertai program ini?

- OBS layak untuk menyertai program ini tertakluk kepada senario di **Jadual 5**.

Jadual 5 : Senario Kelayakan Inisiatif Belanjawan 2026

Senario	Kelayakan KENDIRI Padanan Caruman 2026
<p>Senario 1: OBS pertama kali mendaftar di bawah LINDUNG Kendiri dalam sektor mandatori</p>	<p>Tidak Layak</p>
<p>Senario 2: OBS pertama kali mendaftar di bawah LINDUNG Kendiri dalam sektor bukan mandatori</p>	<p>Layak 70%</p>
<p>Senario 3: OBS memperbaharui caruman dalam sektor mandatori</p>	<p>Tidak Layak</p>
<p>Senario 4: OBS memperbaharui caruman dalam sektor bukan mandatori</p>	<p>Layak 50%</p>
<p>Senario 5: OBS telah mempunyai caruman mandatori sebelum ini, kemudian menjalankan pekerjaan lain dan membuat caruman dalam sektor bukan mandatori</p>	<p>Layak 50%</p>
<p>Senario 6: OBS menjalankan pekerjaan dalam dua sektor bukan mandatori yang berbeza bagi menyertai Inisiatif Belanjawan 2026</p>	<p>1 OBS untuk 1 Inisiatif Belanjawan 2026 OBS hanya layak mendapat satu pembiayaan di bawah Inisiatif Belanjawan 2026 bagi bayaran tahun semasa.</p>

14. Bagaimanakah OBS / Agensi Pengendali boleh membuat semakan kelayakan atau kelulusan penyertaan program KENDIRI Padanan Caruman 2026 ini?

- OBS / Agensi Pengendali boleh membuat semakan kelayakan atau kelulusan program KENDIRI Padanan Caruman 2026 melalui kaedah berikut:
 - i. OBS / Agensi Pengendali boleh menyemak pendaftaran dan caruman melalui Laman Web PERKESO atau Laman Web Prihatin (prihatin.perkeso.gov.my);
 - ii. Semakan kelayakan permohonan di 54 buah kaunter pejabat PERKESO di seluruh negara; dan
 - iii. Menghubungi Talian Khidmat Pelanggan PERKESO 1300-22-8000.

15. Bilakah tarikh dan tempoh perlindungan bermula?

- Tarikh dan tempoh perlindungan bermula pada tarikh bayaran caruman diterima atau seurus selepas perlindungan pelan caruman sedia ada telah tamat tempoh seperti butiran di **Jadual 6** berikut:

Jadual 6: Tempoh Mula Perlindungan bagi LINDUNG Kendiri

Senario	Tempoh Mula Perlindungan
i) Pendaftaran/Caruman kali pertama	Tempoh perlindungan bermula pada tarikh bayaran caruman diterima
ii) Caruman diperbaharui (<i>renew</i>) tetapi telah tamat tempoh	
iii) Caruman diperbaharui (<i>renew</i>) dan masih aktif	Tempoh perlindungan bermula seurus selepas perlindungan pelan caruman sedia ada telah tamat tempoh

- Bayaran caruman untuk inisiatif ini adalah untuk tempoh perlindungan 12 bulan bagi setiap permohonan yang dikemukakan.

16. Bilakah tarikh kuatkuasa dan tempoh tamat permohonan inisiatif ini?

- Permohonan boleh dibuat bermula **6 April 2026 sehingga 31 Disember 2026** (sebarang perubahan tarikh tamat adalah tertakluk kepada keputusan pihak Kerajaan).

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000 atau e-mel kepada perkeso@perkeso.gov.my.

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

6 April 2026